

13/03/2003

KWSP serah laporan tipu caruman kepada PM

Norfatimah Ahmad; Nor Afzan Mohamad Yusof

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan menyerahkan laporan hasil siasatan kes penipuan wang caruman sebanyak RM322,488 kepada

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Abdul Halim Ali, bagaimanapun tidak menyebut bila laporan itu akan diserahkan.

Beliau berkata, polis masih menyiasat kes berkenaan, termasuk mengesan pembabitkan pencarum, majikan, pegawai dan kakitangan KWSP.

"Selain siasatan polis, KWSP juga melakukan siasatan dalaman untuk mengesan penipuan itu. Laporan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri," katanya selepas melancarkan Tabung Penubuhan Bangunan Perhimpunan Melayu Kedah (DPMK) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Abdul Halim mengulas kenyataan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ahad lalu yang mengarahkan siasatan rapi dilakukan

ke atas kes penyelewengan wang caruman KWSP yang dikatakan semakin serius kebelakangan ini.

Abdul Halim berkata, selain membantu polis menjalankan siasatan, KWSP sedang menjalankan siasatan berasingan bagi memperbaiki kelemahan pada agensi itu ketika ini.

"Pencarum KWSP tidak perlu bimbang kerana kes itu sedang disiasat teliti oleh polis," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) KWSP, Mohd Zabidi Dasuki, berkata KWSP meminda prosedur semasa sebagai langkah kawalan untuk mengetatkan sistem pengeluaran.

Beliau tidak menolak kemungkinan langkah kawalan itu akan melambatkan kelulusan permohonan pengeluaran.

Antara langkah yang diwajibkan kepada petugas KWSP adalah:

- * Menyemak kesahihan sijil kematian dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan pihak yang mengeluarkan sijil berkenaan seperti polis dan hospital.

- * Menyemak kesahihan identiti pemohon/penama dengan JPN.

- * Semua pemohon perlu membuka akaun bank supaya bayaran pengeluaran disalurkan ke bank kerana pihak bank mempunyai kaedah keselamatan tertentu

untuk membuka akaun dan pengeluaran wang daripada akaun.

- * Sebarang pindaan kepada penamaan yang didaftarkan yang dibuat dalam tempoh enam bulan sebelum permohonan pengeluaran kematian akan disemak teliti untuk menentukan sama ada pindaan adalah sah atau sebaliknya.

Mohd Zabidi juga memberi jaminan tindakan tegas akan dikenakan terhadap

pegawai KWSP yang terbabit dalam penipuan.